

Faktor-Faktor Penentu Masyarakat Membayar Zakat Di Badan Amil Zakat Nasional (Baznas): Kajian Kes Kota Medan Indonesia

Eri Yanti Nasution
Mohd Adib Ismail
Hairunnizam Wahid

ABSTRAK

Zakat merupakan instrumen ekonomi yang dapat meningkatkan perekonomian suatu negara. Indonesia adalah negara yang memiliki penduduk Muslim terbanyak di dunia. Namun, zakat yang merupakan kewajiban seorang Muslim belum dapat dilaksanakan dengan baik. Sistem zakat di Indonesia masih berada pada tingkatan sukarela (*voluntary system*). Hal ini terlihat ketika sebahagian masyarakat hanya membayar zakat fitrah sahaja. Kesedaran untuk membayar zakat harta masih sangat kurang. Kesedaran ini dapat dipengaruhi oleh faktor luaran dan dalaman. Faktor dalaman yang berasal daripada diri sendiri, sedangkan faktor luaran berasal daripada institusi pembayaran zakat. Institusi zakat merupakan faktor yang paling penting untuk meningkatkan kesedaran masyarakat untuk membayar zakat. Namun, saat ini isu yang sedang hangat diperbincangkan ialah rendahnya peranan institusi zakat dalam meningkatkan pengutipan zakat. Ramai masyarakat kurang percaya kepada institusi zakat yang mengakibatkan masyarakat membayar zakat secara tidak formal. Kajian ini akan menganalisis faktor-faktor yang menentukan masyarakat membayar zakat kepada Badan Amil Zakat Nasional (BAZNAS) di kota Medan, Indonesia. Data yang diperoleh kemudian dianalisis menggunakan kaedah deskriptif, ujian Faktor Analisis dan Analisis Regresi Logistik. Keputusan kajian mendapati bahawa masyarakat tidak membayar zakat kepada BAZNAS kerana masyarakat tidak mengetahui BAZNAS sebagai institusi zakat rasmi negara. Faktor yang menentukan masyarakat mengetahui BAZNAS ialah pendapatan dan peranan BAZNAS dalam masyarakat. Kajian ini diharapkan dapat membantu BAZNAS untuk meningkatkan peranan dalam masyarakat agar pembayaran zakat di kota Medan semakin meningkat.

Kata kunci : Zakat; Faktor Penentu; Analisis Faktor; Regresi Logistik; BAZNAS

ABSTRACT

Zakat is an economic instrument that can improve the economy system of a country. Indonesia is a country that has the largest Muslim population in the world. However, the zakat which is the obligation of Muslim can not be implemented properly. Zakat in Indonesia is still at the level of voluntary system. This can be seen when some of people only pays for zakat fitrah. Their awareness to pay zakat is still very low. This awareness can be influenced by the external and internal factors. The internal factors are arised from themselves, while the external factors are arised from the zakat institution. Zakat institutions are the most important factors to improve public awareness to pay zakat. However, the issue which being debated currently is about the low role of zakat institution in improving the collection of zakat. Many people have lack of trust towards zakat institution whichlead people to pay the zakat in informal way. This study will analyze the factors that determine people to pay zakat to the National Zakat Agency (BAZNAS) in Medan, Indonesia. The data obtained were then analyzed using descriptive method, Factor Analysis test and Logistic Regression Analysis. The study found that people do not pay zakat to BAZNAS because they don't aware that BAZNAS as the official zakat institution. The factors that determine the people aware the existence of BAZNAS is the role of BAZNAS itself. This study is expected to help BAZNAS to improve their role in order to increase zakat payment in Medan.

Key words : Zakat; Determinants; Factor analysis; Logistic regression, BAZNAS

PENGENALAN

Zakat merupakan kewajiban Muslim yang Allah SWT atur dalam rukun Islam. Zakat adalah salah satu rukun Islam yang wajib dilaksanakan apabila seorang Muslim sudah mencukupi syarat-syaratnya iaitu

cukup nisab dan haul. Dalil kewajipan membayar zakat telah dinyatakan secara jelas dalam al-Quran melalui firmanNya yang bermaksud :

“ Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat, dan rukuklah kamu semua (berjamaah) bersama-sama orang-orang yang rukuk”.

(Surah al-Baqarah, 2 : 43)

Dalam ayat ini Allah SWT mewajibkan seorang Muslim untuk menunaikan zakat setelah melaksanakan salat. Secara bahasa, zakat bermakna bersih dan suci (Hamizul 2012). Zakat membersihkan harta seorang Muslim daripada bercampur dengan hak Muslim yang lain (Hamizul 2012). Dalam pembayaran zakat, ada beberapa pihak yang menjadi syarat utama untuk pembayaran zakat iaitu pembayar zakat, amil yang merupakan individu atau institusi, serta penerima zakat. Terdapat perbezaan pendapat tentang penubuhan suatu institusi untuk menguruskan zakat. Pemikiran berdasarkan mazhab Hanafi, seorang muzakki dibenarkan mengagihkan zakat secara langsung kepada asnaf tanpa melalui lembaga atau kerajaan pada masa dahulu. Hal ini disebabkan oleh mazhab Hanafi mengikuti amalan yang dilakukan pada zaman pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan RA. Pada zaman itu seorang muzakki dibenarkan membayar zakat secara langsung kepada asnaf. Hal ini disebabkan oleh bimbang ada kemungkinan penyelewengan wang zakat yang sudah diterima. Namun muzakki masih tetap boleh memberikan zakat kepada kerajaan seperti binatang ternak yang sukar untuk diselewengkan. Pendapat ini disokong oleh kumpulan pemikiran mazhab Syafi'e yang menyatakan muzakki dibolehkan membayar zakat langsung kepada asnaf. Hal ini berbeza dengan pendapat mazhab Maliki yang berpendapat bahawa semua zakat harus dibayarkan kepada kerajaan. Namun hendaklah sebuah kerajaan yang adil, mampu menjalankan tanggung jawab dan dapat menguruskan wang zakat dengan baik. Maksudnya, sukar untuk melakukan sebarang penyelewengan terhadap zakat. Mazhab ini sesuai dengan amalan yang dilakukan oleh Rasulullah SAW, Khalifah Abu Bakar as Siddiq RA, dan Khalifah Umar al Khattab RA. Hal ini menunjukkan bahawa institusi zakat penting untuk menguruskan zakat dan dapat mengagihkan zakat kepada golongan asnaf yang memerlukan (Hairunnizam 2009).

Masalah kutipan dan agihan zakat merupakan hal yang hingga saat ini masih selalu diperbincangkan. Permasalahan ini muncul kerana terdapat beragam sebab yang berpunca daripada mustahik, muzakki atau amil yang merupakan orang atau institusi. Permasalahan tersebut berpunca daripada beberapa faktor iaitu, pertama daripada muzakki. Muzakki ialah orang yang membayarkan zakat kerana mendapatkan rezeki daripada Allah dan sudah cukup nisab. Zakat yang hendak dibayar ialah zakat fitrah dan zakat harta bagi mereka yang hartanya cukup nisab dan haul. Namun, pada kenyataannya ramai masyarakat hanya membayar zakat fitrah. Hal ini disebabkan oleh mereka tidak faham bahawa zakat harta juga wajib dibayar. Punca masalah selanjutnya ialah mustahik atau golongan asnaf yang sudah diatur dalam Al Quran sebanyak lapan golongan yang terdiri daripada *al fuqara* (orang fakir), *al masakin* (orang miskin), amil. Seterusnya muafaf yang dilembutkan hatinya, *al-riqab* (hamba), *al-gharimin* (orang yang berhutang), *fisabilillah* (orang yang berjuang di jalan Allah), *ibn-sabil* (orang yang melakukan perjalanan). Masalah yang muncul pada mustahik ialah pengagihan kepada golongan asnaf tersebut tidak merata. Golongan yang selalunya mendapat zakat ialah fakir dan miskin. Hal ini disebabkan oleh amil dan muzakki tidak mendapatkan maklumat enam golongan lainnya yang juga wajib diberi zakat. Kesalahan dalam pengagihan ini bermula daripada faktor ketiga yang menjadi masalah dalam pengagihan dan pengutipan zakat iaitu amil yang merupakan orang atau institusi zakat. Institusi zakat merupakan amil yang harus menguruskan pengutipan dan pengagihan zakat dengan betul. Namun, pada masa ini ramai muzakki yang kurang percaya kepada institusi zakat kerana pengutipan dan pengagihan yang dianggap tidak cekap. Isu pengagihan zakat masih banyak menimbulkan perdebatan dan permasalahan seperti masalah kaedah pengagihan, agihan zakat kepada asnaf yang masih dipertanyakan apakah layak atau tidak. Masalah selanjutnya ialah kemiskinan yang berlaku walaupun beberapa institusi zakat mencatatkan prestasinya dalam mengurangi kemiskinan (Hairunnizam *et al*, 2009).

Badan Amil Zakat Nasional (BAZNAS) ialah institusi zakat rasmi kerajaan Indonesia yang berpusat di Jakarta, Indonesia. Indonesia memiliki 34 provinsi yang terbahagi kepada 415 kabupaten/kota seluruh Indonesia. Setiap kota di wilayah Indonesia memiliki cawangan BAZNAS sendiri secara langsung berkoordinasi dengan BAZNAS provinsi dan BAZNAS pusat. Medan adalah kota ketiga terbesar di Indonesia yang memiliki jumlah penduduk seramai 2,097,610 orang bagi tahun 2010 (sumut.bps.go.id). Masalah pengutipan dan pengagihan zakat juga terjadi di kota Medan. Masalah ini disebabkan oleh tiga aspek yang menjadi faktor utama dalam pengurusan zakat, iaitu muzakki, asnaf dan institusi zakat. Muzakki kota Medan tidak seluruhnya membayar zakat yang diwajibkan iaitu zakat fitrah dan zakat harta kerana tidak mengetahui jenis zakat yang wajib dibayarkan. Sebahagian muzakki

berpendapat bahawa zakat yang wajib dibayarkan hanya zakat fitrah sahaja dan dibayar pada bulan Ramadan. Keadaan seperti ini membuat pengutipan zakat harta di kota Medan sangat sedikit dan hanya beberapa golongan sahaja yang membayarkan zakat harta. Aspek selanjutnya ialah mustahik yang tidak diketahui jumlah yang sebenar daripada lapan asnaf tersebut. Sebahagian muzakki kota Medan hanya mengetahui asnaf yang terdiri daripada dua golongan sahaja, iaitu fakir dan miskin. Masalah selanjutnya dalam pengutipan dan pengagihan zakat di kota Medan adalah institusi yang dipercayai masyarakat untuk menguruskan zakat yang mereka bayar tidak wujud. Maknanya, banyak institusi zakat yang terdiri daripada institusi kerajaan dan swasta yang belum boleh dipercayai sepenuhnya oleh masyarakat. Namun, ada juga sebahagian masyarakat yang percaya kepada institusi zakat swasta yang sudah memberikan catatan-catatan prestasi yang membuat masyarakat percaya. Pada hakikatnya, BAZNAS kota Medan merupakan institusi zakat yang seharusnya dipercayai oleh masyarakat kota Medan. Namun, pada kenyataannya masyarakat tidak mengetahui bahawa BAZNAS adalah institusi zakat rasmi kerajaan. Hal ini membuat BAZNAS kota Medan tidak akan mendapatkan kutipan daripada muzakki. Muzakki lebih memilih membayarkan zakat secara tidak formal iaitu membayarkan zakat langsung kepada asnaf. Oleh itu, kajian ini perlu dilakukan untuk menentukan tingkat pengetahuan dan ketaatan masyarakat kota Medan untuk membayar zakat. Selanjutnya mengenai pasti sejauh manakah masyarakat mengetahui BAZNAS kota Medan sebagai institusi zakat rasmi kerajaan. Kajian ini akan menganalisis faktor masyarakat tidak membayar zakat pada BAZNAS kota Medan, serta untuk mengenal pasti faktor-faktor yang akan menentukan masyarakat membayar zakat pada BAZNAS.

KAJIAN LEPAS

Membayar zakat adalah kewajipan setiap Muslim yang mempunyai harta yang sudah cukup nisab dan haul. Namun, banyak lagi masyarakat yang belum melaksanakan kewajipan tersebut. Ada beberapa faktor yang membuat masyarakat tidak membayar zakat. Faktor tersebut terbahagi kepada dua iaitu faktor dalaman dan luaran. Faktor dalaman maksudnya ialah faktor yang berpunca daripada pembayar zakat itu sendiri. Sedangkan faktor luaran ialah faktor yang berasal daripada iaitu institusi atau tempat untuk membayarkan zakat itu sendiri. Menurut Hairunnizam *et al.* (2005), faktor jantina, umur, taraf perkahwinan, pendapatan dan perbelanjaan merupakan faktor yang mempengaruhi kepatuhan seseorang untuk membayar zakat. Faktor-faktor tersebut secara signifikan mempengaruhi tingkat kesedaran seseorang untuk membayarkan zakat. Namun, antara semua faktor tersebut, faktor pendapatan ialah faktor yang paling mempengaruhi seseorang untuk membayarkan zakat. Hal ini disokong oleh Zyadi dan Mariani (1999) yang menyatakan bahawa tahap pendapatan serta perbelanjaan individu dan isi rumah secara signifikan mempengaruhi kesedaran untuk membayar zakat. Ini bermakna, semakin tinggi pendapatan seseorang, maka akan meningkatkan kesedaran untuk membayarkan zakat.

Faktor luaran yang dapat mempengaruhi tingkat kesedaran individu untuk membayar zakat ialah institusi zakat yang akan membantu individu untuk mengagihkan zakat kepada golongan asnaf. Sanep dan Hairunnizam (2005) dalam kajian tentang persepsi agihan zakat dan kesannya terhadap pembayaran zakat melalui institusi formal menyatakan bahawa pembayaran zakat kepada institusi formal dipengaruhi secara positif oleh perasaan puas hati pengurusan pusat zakat. Ini bermakna bahawa perasaan puas hati oleh pembayar zakat berkaitan positif terhadap pembayaran zakat. Apabila pembayar zakat merasa tidak puas hati, maka akan memberikan impak kepada pembayaran zakat. Pembayar zakat akan membayar zakat kepada asnaf secara langsung. Pendapat ini diperkukuh oleh Hairunnizam *et al.* (2009) yang menyatakan bahawa perasaan tidak puas hati akan memberi kesan yang tidak baik kerana kemungkinan masyarakat akan membayar zakat langsung kepada asnaf. Namun, bagi mereka yang tidak membayar zakat ditambah lagi tidak puas hati terhadap pengagihan zakat, oleh institusi zakat, maka akan menyebabkan mereka secara berterusan tidak akan membayar zakat kepada siapa pun. Ini akan membuat kesedaran untuk membayar zakat semakin buruk.

Institusi zakat merupakan faktor utama dalam meningkatkan pembayaran zakat. Apabila institusi zakat memberikan kesan negatif terhadap pembayar zakat, maka hal tersebut dapat membuat pembayar zakat tidak berpuas hati dan membuat pembayaran secara langsung terhadap asnaf. Pembayaran secara langsung kepada asnaf disebut sebagai pembayaran zakat tidak formal. Menurut Hairunnizam dan Sanep (2014), imej korporat institusi zakat perlu diberi penekanan memandangkan pengaruh korporat sangat besar terhadap keyakinan agihan zakat, diikuti oleh faktor kaedah kutipan dan kaedah agihan zakat. Oleh itu, institusi zakat harus meningkatkan keyakinan dan perasaan puas hati pembayar zakat. Pengutipan dan pengagihan zakat yang baik dan efisien dapat diwujudkan dengan kerja sama pembayar zakat, institusi zakat, golongan asnaf serta kerajaan. Sesuai dengan hasil kajian

yang dilakukan oleh Zainiet al. (2012) bahawa pemerintah merupakan golongan yang bertanggungjawab dalam menguruskan segala hal ehwal zakat yang bermula dari pengurusan kutipan hingga pengagihan zakat. Pendekatan yang dicadangkan dalam kajian Zainiet al. (2012) ialah dengan meniru amalan yang dilakukan oleh para pemimpin Islam dalam pelaksanaan kutipan zakat. Pendekatan yang dilakukan dengan cara mengirim amil-amil di setiap rumah dan daerah selain memerangi golongan yang tidak mahu membayar zakat. Kajian yang dibuat oleh Muhammad Syukri (2006) juga menyokong pendekatan yang digalakkan oleh Zainiet al. (2012). Muhammad Syukri (2006) membincangkan bagaimana lokalisasi boleh menyelesaikan masalah agihan zakat. Dengan melokalisasikan pentadbiran pengurusan zakat pada skop yang lebih kecil dengan cara penyerahan pengurusan zakat dari pemerintah pusat kepada pemerintah daerah yang dikenali sebagai desentralisasi. Lokalisasi akan menghasilkan sistem yang tepat merata dan mudah, kerana pengurusan dilakukan pada skop yang lebih kecil. Oleh itu, pembayar zakat tidak bersusah-susah ke pusat negeri. Manakala asnaf-pula dapat dikenal pasti dengan lebih tepat dan lengkap (Muhammad Syukri 2006).

Indonesia merupakan negara yang memiliki penduduk majoriti Muslim. Namun, pengelolaan zakat masih belum lagi maksimum disebabkan masih ramai masyarakat yang tidak membayar zakat kerana suatu kewajipan. Kesedaran masyarakat untuk membayar zakat selain daripada zakat fitrah masih kurang. Menurut Lessy (2005), untuk meningkatkan kesedaran masyarakat untuk membayar zakat dapat dilakukan dengan memberikan pengetahuan melalui pendekatan penerapan nilai-nilai yang ada pada zakat tersebut. Nilai yang dimaksudkan ialah nilai *tarbiyatulruhiyah* serta nilai-nilai sosial yang ada pada zakat. Penjelasan tentang nilai zakat ini akan memunculkan kesedaran masyarakat untuk membayar zakat. Selain masalah daripada kesedaran masyarakat, masalah pengelolaan zakat yang dilakukan amil di Indonesia juga belum maksimum. Menurut Mardian (2012), sejak kemerdekaan, pemerintah Indonesia tidak terlibat secara langsung dalam pengurusan zakat. Pengurusan zakat dilakukan oleh masyarakat yang berasal daripada lembaga keagamaan iaitu masjid dan sekolah Islam. Pengurusan zakat dilakukan secara sukarela (*voluntary system*). Hal ini membuat pengurusan zakat tidak maksimal. Namun, dalam kajiannya, Mardian (2010) memberikan cadangan agar pengurusan zakat di Indonesia lebih baik. Sistem pengurusan zakat mulai daripada muzakki yang membayar hingga pengurusan oleh amil harus ditingkatkan dari tingkat sukarela (*voluntary zakat system*) menjadi posisi wajib (*obligatory zakat system*). Hal ini akan memaksimumkan peranan zakat sebagai instrumen ekonomi.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pelbagai metodologi bagi menghasilkan keputusan yang tepat di samping mengikut kerangka teori yang terlibat. Analisis kajian ini dilakukan kepada masyarakat Muslim kota Medan yang membayar zakat. Persampelan dilakukan secara rawak dengan mengedarkan soal selidik kepada 210 individu di kota Medan. Soalan tersebut dibahagi kepada tujuh bahagian iaitu Bahagian A; Latar Belakang Responden. Bahagian B; Data Pendapatan, Bahagian C; Data Pembayaran Zakat. Seterusnya, pada Bahagian D; data Pembayaran Zakat dan Bahagian E; Data Pembayaran Zakat Langsung Kepada Asnaf. Bahagian F; Data Pengetahuan Tentang BAZNAS, serta Bahagian F; Faktor-Faktor Penentu Membayar Zakat Kepada BAZNAS.

SPESIFIKASI MODEL KAEDAH ANALISIS DATA

Kajian ini cuba menganggar kebarangkalian wujud hubungan antara tujuh faktor utama yang mempengaruhi pembayaran zakat di BAZNAS menggunakan Ujian Analisis faktor (EFA) dan Ujian Pengesahan Skala. Faktor-faktor tersebut ialah jantina, umur, pendidikan tertinggi, pendapatan, kesedaran dan kefahaman, pengetahuan tentang BAZNAS, serta peranan BAZNAS. Manakala bagi menguji demografi responden, satu ujian menggunakan Statistik Deskriptif dan Ujian Perbandingan Min telah dilakukan.

Jumlah responden lelaki seramai 114 orang dengan peratusan 54.3%. Responden yang umur 31 – 40 tahun seramai 58 orang dengan peratusan 33.8%. Hasil soal selidik menunjukkan masyarakat kota Medan sudah sedar untuk membayar zakat fitrah dengan jumlah 204 orang dari 210 orang yang membayar zakat. Namun, berbeza dengan pembayaran zakat harta, masyarakat kota Medan ramai yang tidak membayar zakat harta iaitu seramai 118 orang dengan peratusan 56.2%.

Ujian regresi logistik akan digunakan untuk melihat apakah faktor penentu kebarangkalian yang mempengaruhi masyarakat membayar zakat di BAZNAS. Model akan dibentuk dengan pemboleh

ubah bersandar berbentuk binari iaitu masyarakat mengetahui BAZNAS. Berdasarkan kajian lepas Sanepet *al.*(2006), model yang dianggarkan secara umumnya adalah seperti berikut :

$$P_i = E(Y=1/X) = 1 / (1+e^{-Z}) \quad (1)$$

Yang mana P_i adalah kebarangkalian bagi masyarakat mengetahui BAZNAS, $Y=1$ untuk masyarakat yang tahu dan $Y=0$ bagi masyarakat yang tidak tahu. Berdasarkan persamaan (1), kajian ini akan menguji beberapa pemboleh ubah yang dijangka mempengaruhi P_i iaitu :

$$Z_i = \beta_0 + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \beta_3 X_3 + \dots + \beta_i X_i \quad (2)$$

Yang mana Z_i adalah satu fungsi $f(X)$ dengan X adalah pemboleh ubah bebas yang dijangka iaitu jantina, umur, pendidikan tertinggi, pendapatan, kesedaran dan kefahaman, pengetahuan tentang BAZNAS, dan peranan BAZNAS. Semua pemboleh ubah dalam persamaan (2) akan diuji untuk menentukan manakah pemboleh ubah yang signifikan mempengaruhi faktor penentu masyarakat membayar zakat di BAZNAS.

Oleh itu, berdasarkan kepada persamaan (2), maka model khusus yang dianggarkan dalam kajian ini adalah :

$$L = \ln(P_i / (1-P_i)) = \beta_0 + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \beta_3 X_3 + \beta_4 X_4 + \beta_5 X_5 + \beta_6 X_6 + \beta_7 X_7 \quad (3)$$

Yang mana :

L	= log bagi nisbah "odds" faktor penentu pembayaran
X_1	= jantina
X_2	= umur
X_3	= pendidikan tertinggi
X_4	= pendapatan
X_5	= kesedaran dan kefahaman
X_6	= pengetahuan tentang BAZNAS
X_7	= peranan BAZNAS

HASIL KAJIAN

Jadual 1 menunjukkan bahawa masyarakat kota Medan seramai 118 tidak mengetahui BAZNAS dengan peratusan 56.2%. Masyarakat yang sudah mengetahui BAZNAS seramai 92 dengan peratusan 43.8%. Ini bermaksud bahawa masyarakat kota Medan lebih ramai yang tidak mengetahui BAZNAS sebagai lembaga zakat rasmi negara. Hal ini juga dapat menjelaskan bahawa masyarakat kota Medan ramai yang tidak membayar zakat di BAZNAS. Tingkat pengetahuan masyarakat terhadap BAZNAS masih sangat rendah. Ini menggambarkan bahawa masyarakat ramai yang tidak membayar zakat di BAZNAS, kerana masyarakat tidak tahu tentang BAZNAS apalagi fungsi BAZNAS sebagai lembaga zakat.

Daripada jadual 2 dapat dilihat bahawa masyarakat kota Medan lebih ramai membayar zakat di masjid. Seramai 200 orang dengan peratusan 95.2% membayar zakat di masjid. Dan 10 orang dengan peratusan 4.8% menerangkan masyarakat membayar zakat kepada lembaga lain yang merupakan lembaga zakat swasta dan sebahagian masyarakat membayar zakat langsung kepada asnaf. . Ini menyebabkan pembayaran zakat secara tidak formal dan sistem untuk merekod data pengutipan dan pengagihan zakat tidak akan didapat. Berdasarkan hasil analisis tersebut, maka pemboleh ubah bersandar diganti menjadi apakah masyarakat tahu BAZNAS sebagai institusi zakat rasmi kerajaan. Kerana sudah dapat disimpulkan bahawa ramai masyarakat yang tidak membayar zakat di BAZNAS. Oleh itu, kajian ini dilanjutkan dengan menganalisis faktor-faktor penentu masyarakat mengetahui BAZNAS. Sebab berdasarkan jadual 3 menunjukkan bahawa masyarakat ramai tidak mengetahui BAZNAS. Pembayaran tidak akan dilakukan di BAZNAS apabila masyarakat tidak mengetahui BAZNAS. Kajian ini akan mengenal pasti faktor yang menjadi penentu masyarakat mengetahui BAZNAS sebagai institusi zakat. apabila masyarakat sudah mengetahui BAZNAS, maka akan ada kemungkinan masyarakat akan membayar zakat di BAZNAS.

Seterusnya kajian ini akan menguji ketiga-tiga pemboleh ubah yang dijangkakan mempengaruhi penentu masyarakat mengetahui BAZNAS dengan menggunakan analisis faktor (EFA). Tiga faktor penting telah disenaraikan dimana ia dijangka memberi kesan terhadap penentu masyarakat mengetahui BAZNAS sebagai institusi zakat rasmi kerajaan.. Ketiga-tiga faktor ini mempunyai

beberapa item yang dijelaskan oleh beberapa pemboleh ubah yang berkenaan secara terperinci. Kajian ini menganalisis tiga faktor berserta item yang terlibat untuk melihat manakah item yang mempengaruhi setiap pemboleh ubah yang dikaji dengan merujuk kepada nilai faktor muatan dan komuniti setiap item. Analisis ini juga untuk mengesahkan kesesuaian item tersebut dalam kelompok faktor yang dikaji. Pemboleh ubah yang dikaji adalah pemboleh ubah yang memiliki nilai muatan dan komunaliti yang tertinggi kerana memberikan sumbangan terbesar terhadap pemboleh ubah.

Jadual 3 menunjukkan faktor kesedaran dan kefahaman disumbangkan oleh dua pemboleh ubah utama berdasarkan nilai muatan faktor yang komunaliti tertinggi iaitu zakat dapat membantu orang lain yang kurang mampu (0.848) dan diikuti dengan responden mengetahui membayar zakat dapat menyucikan harta. Peratusan varians keseluruhan adalah tinggi yang menunjukkan kesemua item dapat menerangkan pemboleh ubah faktor kesedaran dan kefahaman sebanyak 63.50 peratus. Namun, berbanding dengan faktor pengetahuan tentang BAZNAS, peratusan varians keseluruhan hanya 47.27 peratus. Pemboleh ubah yang memiliki nilai muatan faktor dan komunaliti tertinggi ialah BAZNAS mempromosikan institusinya agar masyarakat membayar zakat di BAZNAS. Selanjutnya, faktor peranan BAZNAS memiliki muatan faktor yang tinggi untuk semua pemboleh ubah. Pemboleh ubah yang paling tinggi nilai muatan faktornya ialah responden kurang percaya terhadap pegawai BAZNAS (0.883). Peratusan varians untuk keseluruhan adalah 64.718 peratus. Hal ini menunjukkan bahawa kesemua item dapat menerangkan pemboleh ubah faktor peranan BAZNAS. Berdasarkan hasil ujian analisis faktor ini dapat diketahui bahawa varians keseluruhan tertinggi berada pada faktor peranan BAZNAS. Dengan kata lain, peranan BAZNAS menjadi faktor yang paling penting untuk menentukan faktor penentu masyarakat mengetahui BAZNAS. Kajian mendapati kesemua nilai muatan, ujian KMO dan ujian kesefaraan Bartlett memenuhi spesifikasi yang dikendaki model.

Selanjutnya kajian mengkaji apakah faktor yang dijangka mempengaruhi masyarakat mengetahui BAZNAS.

Pada Jadual 4 dapat dilihat klasifikasi model yang menunjukkan kesahan jawapan oleh responden. Secara keseluruhannya, 77.2 peratus jawapan disahkan adalah benar kepada semua model yang dikaji.

Berdasarkan Jadual 5, model telah dibentuk dan dianalisis menggunakan analisis regresi logistik. Jika dilihat pada model tersebut, terdapat dua pemboleh ubah sahaja yang signifikan iaitu pemboleh ubah pendapatan dan pemboleh ubah peranan BAZNAS pada aras keertian sepuluh peratus. Pemboleh ubah pendapatan memiliki hubungan yang positif terhadap pembayaran zakat di BAZNAS. Ini membawa makna bahawa satu unit kenaikan pendapatan akan meningkatkan kebarangkalian responden mengetahui BAZNAS sebanyak 71.3 peratus. Sebaliknya, untuk pemboleh ubah peranan BAZNAS memiliki hubungan yang negatif dengan masyarakat mengetahui BAZNAS. Peningkatan satu unit peranan BAZNAS, akan menurunkan kebarangkalian responden tahu BAZNAS sebesar 69.6 peratus. Dalam pemboleh ubah peranan BAZNAS, semua item dijelaskan dengan tanggapan negatif terhadap peranan BAZNAS. Maknanya, semua pernyataan yang diberikan kepada responden ialah pernyataan negatif tentang peranan BAZNAS. Pernyataan negatif tersebut meliputi alasan-alasan responden tidak membayar zakat di BAZNAS kerana peranan BAZNAS selama ini tidak terlihat. Pada awalnya, alasan-alasan tersebut dibuat untuk mengetahui faktor-faktor yang membuat masyarakat tidak membayar zakat di BAZNAS. Namun, kerana ramai masyarakat tidak mengetahui BAZNAS, alasan tersebut dianalisis untuk mengetahui faktor yang menentukan masyarakat tidak mengetahui BAZNAS. Oleh itu, peningkatan satu unit tanggapan negatif responden terhadap peranan BAZNAS, maka akan menurunkan kebarangkalian responden mengetahui BAZNAS sebesar 69.6 peratus.

Ujian padanan model telah menggunakan *Hosmerdan Lemeshow* mencatatkan nilai *Chi-Square* sebanyak 8.720 ($\text{sig} = 0.366$) dengan 10 darjah kebebasan. Posisi tersebut menjelaskan bahawa model mempunyai padanan yang baik dengan data. Selanjutnya, nilai bagi R^2 pula menunjukkan variasi kesemua pemboleh ubah kepada model iaitu sebanyak 25.0 peratus bagi ujian *Cox* dan *Snell* R^2 serta 34.5 peratus bagi ujian *Nagelkerke* R^2 . Ini menunjukkan variasi pemboleh ubah bebas bagi model dalam menerangkan pemboleh ubah bersandar sebanyak 25.0 peratus dan 34.5 peratus.

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan hasil analisis yang telah dibuat, masyarakat kota Medan ramai yang belum mengetahui BAZNAS sebagai institusi zakat. perbandingan yang tidak mengetahui dengan yang mengetahui ialah 56.2 peratus dengan 43.8 peratus. Data tersebut dapat menyimpulkan bahawa masyarakat kota Medan ramai yang tidak mengetahui apalagi membayar zakat di BAZNAS. Pada awalnya, kajian ini dibuat untuk menganalisis faktor-faktor yang menentukan masyarakat membayar zakat di BAZNAS. Namun, dari hasil analisis data jawapan responden, dapat dilihat bahawa masyarakat ramai tidak membayar

BAZNAS. Selama ini, masyarakat selalu membayar zakat di masjid. Berdasarkan hasil yang didapatkan, 95.2 peratus masyarakat membayar zakat di masjid. Dan sisanya iaitu sebesar 4.8 peratus membayar zakat di institusi zakat lain serta langsung kepada asnaf. Oleh itu, kajian dilanjutkan untuk menganalisis faktor yang membuat masyarakat tidak mengetahui BAZNAS sebagai institusi zakat rasmi negara. Bagaimana mungkin masyarakat membayar zakat di BAZNAS, sedangkan mereka tidak mengetahui BAZNAS serta tugas dan fungsinya dalam masyarakat.

Ujian regresi dilakukan dengan membuat masyarakat mengetahui BAZNAS sebagai pemboleh ubah bersandar. Sedangkan pemboleh ubah bebas terdiri dari tujuh pemboleh ubah iaitu jantina yang merupakan pemboleh ubah dami lelaki dan perempuan, umur, pendidikan tertinggi, pendapatan, kesedaran dan kefahaman, pengetahuan tentang BAZNAS, dan peranan BAZNAS. Berdasarkan hasil regresi yang didapatkan, pemboleh ubah yang signifikan mempengaruhi masyarakat mengetahui BAZNAS ialah pendapatan dan peranan BAZNAS. Pendapatan berpengaruh secara positif kepada masyarakat mengetahui BAZNAS. Ini bermakna, apabila pendapatan masyarakat meningkat maka akan meningkatkan pengetahuan masyarakat di BAZNAS. Selari dengan kajian Nor Ghani *et al.* (2001) yang menunjukkan faktor pembayaran merupakan komponen penting yang mempengaruhi masyarakat membayar zakat. Pendapat ini dapat dikaitkan dengan pengetahuan masyarakat terhadap BAZNAS. Semakin tinggi pendapatan seseorang, maka ia akan mencari-cari tempat untuk membayarkan zakat. Kesedaran seseorang untuk membayar zakat dan mencari tahu tentang institusi zakat akan meningkat.

Pemboleh ubah selanjutnya yang mempengaruhi masyarakat mengetahui BAZNAS ialah faktor peranan BAZNAS itu sendiri. Pemboleh ubah peranan BAZNAS signifikan mempengaruhi masyarakat mengetahui BAZNAS. Namun, pengaruh yang signifikan tersebut berpengaruh secara negatif. Pada pemboleh ubah peranan BAZNAS, semua item pernyataan dibuat dalam pernyataan negatif. Maknanya, apabila peranan BAZNAS tidak wujud dalam masyarakat, maka akan membuat masyarakat berkurang untuk mengetahui BAZNAS. Dengan kata lain, masyarakat tidak mengetahui BAZNAS sebagai institusi zakat kerana peranan BAZNAS selama ini tidak diketahui oleh masyarakat. Seharusnya, sesebuah institusi harus menunjukkan peranan kepada masyarakat, terlebih lagi institusi yang tidak mementingkan keuntungan.

Masyarakat kota Medan masih memiliki kesedaran yang rendah untuk membayarkan zakat harta. Berdasarkan hasil analisis, hanya 92 orang yang membayar zakat harta daripada 210 responden. Maknanya hanya 43.6 peratus yang membayar zakat harta. Pengetahuan dan kesedaran masyarakat kota Medan terhadap zakat harta masih kurang. Masyarakat hanya tahu dan sedar untuk membayarkan zakat fitrah ketika bulan Ramadan. Ini harus menjadi tugas untuk BAZNAS memberi pengetahuan kepada masyarakat bahawa membayar zakat harta ialah wajib bagi yang cukup nisab dan haul. Ramai masyarakat kota Medan yang membayar sedekah dengan jumlah yang tidak sedikit, namun tidak sedar bahawa zakat merupakan kewajipan utama sebelum membayarkan sedekah kepada orang yang mampu.

Sesebuah institusi yang ingin meningkatkan imejnya dalam masyarakat, sepatutnya memberikan bukti-bukti peranan yang sudah dilakukan agar masyarakat boleh percaya terhadap institusi tersebut. Apabila masyarakat melihat peranan-peranan institusi zakat, maka masyarakat akan memulau untuk mencari tahu maklumat tentang institusi tersebut. Menurut Kotler dan Keller (2009) promosi yang baik yang dilakukan oleh sesebuah institusi ialah dengan cara promosi dari mulut ke mulut (*word of mouth*). Promosi ini dilakukan dengan terlebih dahulu memberikan kesan yang positif terhadap masyarakat. Apabila BAZNAS dapat menunjukkan peranan dalam menguruskan zakat dengan baik, maka masyarakat yang sudah mendapatkan kesan positif daripada BAZNAS akan memberi maklumat kepada yang lain. Maklumat yang menjelaskan bahawa BAZNAS merupakan institusi zakat kerajaan dan akan mengajak masyarakat lain untuk membayar zakat di BAZNAS.

Berdasarkan hasil analisis tentang cadangan masyarakat terhadap BAZNAS, masyarakat menginginkan agar BAZNAS membuka kaunter zakat di masjid yang dekat dengan tempat masyarakat. Hal ini dicadangkan agar masyarakat dengan mudah membayar zakat. Dari hasil ujian faktor cadangan, cadangan yang memiliki muatan faktor paling tinggi ialah imam masjid diberikan pelatihan kemahiran untuk dapat menguruskan dengan sistem komputer. Hal ini sesuai dengan keadaan di mana masyarakat lebih banyak membayar zakat kepada masjid. Apabila BAZNAS dapat mewujudkan cadangan tersebut, maka akan meningkatkan masyarakat membayar zakat. hal ini juga akan membantu masyarakat mengetahui bahawa BAZNAS merupakan lembaga zakat kerajaan. Namun, akan dibantu oleh imam-imam masjid yang dilantik sebagai amil di kawasan tersebut. Selari dengan hasil kajian Hairunnizam *et al.* (2010) bahawa masjid merupakan institusi yang dipercayai dalam menyelesaikan masalah pengurusan dan pentadbiran zakat.

KESIMPULAN DAN IMPLIKASI DASAR

Kajian ini menunjukkan bahawa masyarakat kota Medan masih belum lagi mengetahui bahawa BAZNAS wujud dan merupakan institusi zakat kerajaan. Berdasarkan hasil perbincangan dengan responden, mereka tidak mengetahui tentang kewujudan BAZNAS. Selama ini, masyarakat kota Medan hanya tahu bahawa zakat mestilah dibayar kepada masjid atau langsung kepada asnaf. Dari 210 responden yang ditanyakan, seramai 200 orang yang membayar langsung kepada masjid. Selebihnya iaitu 10 orang membayar zakat kepada intitusi lain. Namun, daripada 200 orang tersebut pun, pernah melakukan pembayaran kepada asnaf secara langsung. Setelah dilakukan ujian data, yang menjadi punca masyarakat tidak membayar zakat kepada BAZNAS ialah kerana tidak tahu BAZNAS. Bagaimana mungkin masyarakat membayar zakat kepada BAZNAS, sedangkan mereka tidak tahu BAZNAS, tugas, serta fungsi BAZNAS. Ini merupakan tugas BAZNAS untuk memberikan maklumat kepada masyarakat bahawa BAZNAS merupakan institusi zakat rasmi kerajaan.

BAZNAS merupakan institusi yang menguruskan zakat dan juga mempunyai fungsi untuk memberi tahu dan mengajak masyarakat untuk membayar zakat. Apabila masyarakat membayr zakat secara formal kepada BAZNAS, maka BAZNAS dapat mengagihkan zakat kepada asnaf yang memerlukan. Pengagihan ini dapat dibuat secara berkesinambungan sehingga kelangsungan hidup asnaf dapat terjamin. Dengan zakat yang diagihkan, BAZNAS juga dapat memberikan modal kepada asnaf untuk digunakan sesuai dengan kemahiran setiap asnaf. Tujuannya ialah taraf hidup asnaf dapat meningkat dari asnaf menjadi pembayar zakat. Dengan demikian, insklusif kemakmuran pun dapat dicapai di kota Medan. Maksudnya, semua masyarakat merasakan kemakmuran daripada kekayaan yang berasal daripada perekonomian di kota Medan.

RUJUKAN

Al Quran

- Ahmad, S., Sanep, A., Hairunnizam Wahid, S. A & R. A. K., Wahid, H., Abdul Kader, R., Hairunnizam Wahid, Ahmad, S. & Ahmed, S. 2009. Pengagihan Zakat Oleh Institusi Zakat Di Malaysia : Mengapa Masyarakat Islam Tidak Berpuas Hati. *Jurnal Syariah*, 17 (1), 1-17.
- Aidit Ghazali, 1998. Zakat Satu Tinjauan. Petaling Jaya : IBS Buku Sdn Bhd.
- Amalia, KasyfulMahalin. 2012. Potensi dan Peranan Zakat dalam Mengentaskan Kemiskinan di Kota Medan. *Jurnal Ekonomi dan Keuangan*, Vol.1, No. 1, Desember 2012. 70-87.
- Hairunnizam, W., Radiah, A. K., Wahid, H. & Kader, R. A. 2010. Localization of Malaysian zakat distribution : Perceptions Of Amil And Zakat Recipients Localization Of Malaysian Zakat Distribution : Perception Of Amil And Zakat Recipients. *Seventh International Conference – The Tawhidi Epistemology : Zakat And Waqf Economy*, Bangi 2010 Localization, hlm. 461-484.
- Hairunnizam, W., Sanep. A. & Mohd Ali, M. N. 2004. Kesan Bantuan Zakat Terhadap Kualiti Hidup : Kajian Kes Asnaf Fakir Dan Miskin. *The Journal Of Mi'umalat And Islamic Finance Research*, 1 (1), 151-166.
- Hairunnizam, W., Sanep, A & Radiah, A. K. 2009. Pengagihan Zakat Oleh Institusi Zakat Kepada Lapan Asnaf: Kajian Kes Di Malaysia. *Seminar Kebangsaan Ekonomi Islam 2008/09 pada 10-11 Februari 2009 di APIUM*, hlm. 1-17.
- Hamizul Abdul Hamid. 2012. Eksklusif Zakat. Galeri Ilmu Sdn. Bhd.
- Iman, S. & Sanep, A. 2011. Indeks Keyakinan Terhadap Lembaga Zakat Selangor (LZS) : Kajian Kes Kakitangan Universiti Kebangsaan Malaysia. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VI (PERKEM VI) 2011*, hlm. Vol. 1, 115-123.
- Lessy, Zulkifli. 2005. Pemberdayaan Zakat Melalui Pendekatan Pendidikan Penanaman Nilai. *Jurnal Pendidikan Agama Islam*. Vol. 2, No. 1 2005, 117-132.
- Mardian, Sepky. 2012. Pengelolaan zakat di Indonesia : Perspektif Sejarah dan regulasi. *Jurnal Hukum Islam dan Ekonomi*, STAIN MALIKULSALEH, Aceh, Volume 1. No. 2, Juli –September 2012. 309-324.
- MdZyadi Tahir & MarianiMajid, 1999. Prestasi Kutipan Dan Agihan Zakat Di Malaysia. Dalam Pancasidang Seminar Pengeluaran Awam Dan Swasta : Justifikasi Dan Realiti di Malaysia. Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia. 293-306.
- MohdParid Syeikh Ahmad. 2001. Kaedah Pengagihan Dana Zakat : Satu Perspektif Islam. Kertas kerja dibentangkan di Seminar of Zakat and Taxation di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

- Muhammad SyukriSalleh, 2006. Lokalisasi Pengagihan Zakat : Satu Cadangan Teoretis. Dalam Hailani dan Abdul Ghafar (penyt). Zakat : Pensiariatan, Perekonomian & Perundangan. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Ghani Md Nor, MarianiMajid, Jaafar Ahmad &Nahid Ismail. 2001. Can Privatization Improve Performance? Evidence From Zakat Collection Institutions. Kertas kerja dibentangkan di Bengkel Ekonomi Islam Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Patmawati, I. 2008. Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat : Tinjauan Empirikal. *Jurnal Syariah*, 16 (2), 223-244.
- Peraturan Pemerintah Republik Indonesia Nomor 14 tahun 2014. Retrieved from pusat.baznas.go.id
- Peraturan BAZNAS Nomor 03 Tahun 2014. Retrieved from pusat.baznas.go.id
- Philip Kotler& Kevin Lane Keller. 2009. Manajemen Pemasaran. Jakarta : Erlangga.
- Radiah, A. K., Hairunnizam, W. &Sanep, A. 2010. Cadangan Melokalisasikan Pengagihan Zakat Di Malaysia : Satu Kajian Empirik. *The 4th ISDEV International Islamic Development Management Conference (IDMAC 2010)*, hlm. 1-24.
- Said, Muh. 2009. Problematika Undang-Undang zakat Indonesia (Refleksi misi al-siyasah al-syar'iyah). *Jurnal Asy.syr'ah Vol. 43. No 11*.
- Sanep, A. A., Hairunnizam, W. &Sanep Ahmad, H. W. 2005. Kesan Prestasi Agihan Oleh Institusi Formal Ke Atas Kepatuhan Membayar Zakat. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 39, 53-69. Retrieved from http://www.ukm.my/penerbit/jurnal_pdf/JEM39-03.pdf
- Sanep, A. &Hairunnizam, W. 2005b. Persepsi Agihan Zakat Dan Kesannya Terhadap Pembayaran Zakat Melalui Institusi Formal. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 39, 53-69. Retrieved from http://www.ukm.my/penerbit/jurnal_pdf/JEM39-03.pdf.
- Sanep, A., Hairunnizam, W. & Adnan, M. 2006. Pensiwastaan Institusi Zakat Dan Kesannya Terhadap Pembayaran Secara Formal Di Malaysia. *International Journal of Management Studies*, 13 (2), 175-196.
- Wahid, H., Ahmad, S. & Kader, R. A. 2012. Cadangan PenyetempatanPengangihan Zakat Di Malaysia : Adakah Amil Sudah Bersedia? *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 46 (2), 17-27.
- Wahid, H., Kader R.A. & Ahmad, S. 2005. Kesedaran Membayar Zakat : Apakah Faktor Penentunya? *IJMS*, 12 (2), 171-189. Retrieved from <http://repo.uum.edu.my/732/>
- Wahid Hairunnizam, A. S. & A. K. 2012. Melokalisasikan Urus Tadbir Pengagihan Zakat : Peranan Institusi Masjid Di Malaysia. *Asian Journal of Accounting and Governance*, 83(3), hlm. 71-83.
- Zaini,Jamaludin, NMNA Rahman, ZKM Makhbul, F Idris. 2012. Transformational Leadership Dimensions and Affective Commitment : A Study on Political Workers. *2nd International Conference on Management (2nd ICM 2012) Proceeding 11th – 12th*.
- Zulkifli, D. &Sanep, A. 2010. Kesan Perundangan Zakat Ke Atas Kepatuhan Bayaran Zakat : Ke Arah Strategi Berkesan Program Pengurusan Kutipan Zakat. *The 4th ISDEV International Islamic Development Management Conference (IDMAC 2010)*, hlm. 1-17.

JADUAL 1: Masyarakat Mengetahui BAZNAS

	Kekerapan	Peratusan (%)
Tahu	92	43.8
Tidak Tahu	118	56.2

JADUAL 2: Membayar Zakat Di Masjid

	Frekuensi	Peratusan (%)
Ya	200	95.2
Tidak	10	4.8

JADUAL 3: Hasil Ujian Analisis Faktor

Kelompok item	Muatan faktor	Min	Varians keseluruhan (%)
Kesedaran dan kefahaman			
1. Zakat dapat membantu orang lain yang kurang mampu	0.848	4.69	63.508
2. Saya mengetahui membayar zakat dapat menyucikan harta	0.836	4.67	
Membayar zakat adalah kewajiban saya	0.681	4.70	
Pengetahuan tentang BAZNAS			
1. BAZNAS mensosialisasikan peranan dalam mengurus zakat	0.979	3.52	47.270
2. BAZNAS selalu mempromosikan tentang lembaganya agar masyarakat membayar zakat di BAZNAS	0.899	3.39	
3. Saya percaya BAZNAS menguruskan wang zakat dengan baik	0.890	3.60	
Peranan BAZNAS			
1. Saya kurang percaya terhadap pegawai BAZNAS	0.883	3.32	64.718
2. Menurut saya BAZNAS tidak mempromosikan sebagai lembaga zakat	0.868	3.47	
3. BAZNAS tidak ada peranan dalam mengurugi kemiskinan	0.858	3.52	

Nota: Min berdasarkan nilai skala likert; nilai 1= sangat tidak setuju hingga 5=sangat setuju

*Bartlett's Test of Sphericity : signifikan pada aras keertian 1%

Faktor kesedaran dan kefahaman, pengetahuan, serta peranan BAZNAS berkolerasi dan signifikan pada aras keertian 1%

Data yang di atas merupakan tiga item dengan muatan faktor tertinggi

JADUAL 4: Klasifikasi Regresi Logistik

Diramalkan			
Pemerhatian		Tidak Tahu	Tahu
		Tidak Tahu	70
	Tahu	18	25

Nota : Nilai batasan adalah 0.500

Peratusan Betul : Tahu = 58.1%, tidak tahu = 87.5%, keseluruhan 77.2%

JADUAL 5: Hasil Regresi

Pemboleh ubah	Nilai	Exp (B)	Statistik	Wald
		Koefisien (B)		
Konstan	-1.192 (2.728)	0.304	0.191	
Jantina (1)	-0.643 (0.493)	0.526	1.699	
Umur	-0.136 (0.240)	0.876	0.322	
Pendidikan tertinggi	0.348 (0.381)	1.416	0.832	

Pendapatan	0.538* (0.263)	1.713	4.184
Kesedaran dan kefahaman	0.416 (0.456)	1.516	0.832
Pengetahuan tentang BAZNAS	0.203 (0.308)	1.225	0.434
Peranan BAZNAS	-1.192* (0.296)	0.304	16.152
Hosmer dan Lemeshow (χ^2)	8.720 ^{ns}		
Cox dan Snell R ²	0.250		
Nagelkerke R ²	0.345		

Nota : () ralat piawai

(1) pemboleh ubah dami

Model : regresi binari logistik. Pemboleh ubah bersandar : mengetahui BAZNAS

^{ns} tidak signifikan

*signifikan pada aras keertian 10%